



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN

HARI LANDSKAP NEGARA 2019

TAMAN BOTANI, WP PUTRAJAYA

3 MAC 2019 (AHAD) / JAM 9.45 PAGI

(Semak sebelum lafaz)

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima Kasih Tuan/ Puan Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia

Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Dato' Salahuddin bin Haji Ayub  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin  
Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

YBhg. Datuk Seri Haji Dr. Ismail bin Haji Bakar  
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim  
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan

YBrs. Puan Hajah Rotina binti Daik  
Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara

YAB Tun/ Yang Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-  
Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Baharu.

## MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam satu majlis yang sungguh indah lagi bermakna pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, kerana sudi melapangkan masa untuk hadir dan seterusnya merasmikan Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) bagi tahun 2019 di Taman Botani Putrajaya yang nyaman ini.

2. Di pagi yang berbahagia ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat, Tan Sri, Puan Sri, Datuk Seri, Datuk, Dato', Datin, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pemimpin Masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang bersama-sama menjayakan majlis ini. Sesungguhnya dengan kehadiran semua pihak pada pagi ini, telah menunjukkan sokongan serta semangat terhadap kecintaan kita pada alam semulajadi, persekitaran landskap yang indah, bersih, dan mampan.

3. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur yang terdiri daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Landskap Negara (JLN), Perbadanan Putrajaya (PPj), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan semua Jabatan dan Agensi yang menjayakan sambutan ini. Majlis pada pagi ini sungguh bermakna, khususnya apabila buat pertama kalinya diadakan di Taman Botani Putrajaya. Untuk makluman, taman ini telah diberi pengiktirafan yang tinggi seperti:

- i) *The JILA Prize* oleh dari Japanese Institute of Landscape Architecture pada 2015;
- ii) Anugerah Kehormat dalam Kategori Bandar Hijau (*Green City Award*) dari Institut Arkitek Landskap Malaysia pada tahun 2012; dan

- iii) Tersenarai antara 40 taman tercantik di Asia oleh "*Paradise Found*" United Kingdom pada 2008.

4. Justeru itu, saya mengucapkan selamat datang ke Majlis Perasmian Hari Landskap Negara tahun 2019 untuk kali yang ke-21 dengan temanya 'Malaysia Negara Taman Terindah'.

#### MENZAHIRKAN HARI LANDSKAP NEGARA

5. Hari Landskap Negara merupakan acara tahunan yang disambut pada 3 Mac sejak tahun 1998 lagi. Tarikh 3 Mac dipilih bagi sambutan ini sempena tarikh majlis pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara, yang diadakan pada 3 Mac 1997 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu Tun sendiri (Tun Dr. Mahathir bin Mohamad). Hari Landskap Negara disambut bagi tujuan memupuk semangat kecintaan terhadap landskap dalam kalangan masyarakat, sekaligus dapat menyemai sikap menyayangi persekitaran bersih dan selesa. Di samping itu juga dapat menyebarkan peranan dan program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan kesedaran kepada semua pihak untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah.

6. Sambutan Hari Landskap Negara 2019 dianjurkan selama 3 hari dan telah bermula pada hari Jumaat (1 Mac 2019) lagi. Pelbagai aktiviti dan pengisian menarik telah disediakan seperti *expert talk*, *landscape forum*, pameran dan gerai-gerai jualan berkaitan produk landskap. Acara sukan dan riadah seperti pertandingan *park race*, eksplorasi HLN dan sukan rakyat juga turut diadakan di samping pertandingan melukis mural dan peraduan melukis di kalangan pelajar sekolah. Oleh yang demikian, saya dan seluruh warga penganjur amat mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan semua pihak dalam sambutan ini.

#### TEMA PENGANJURAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019

7. Tema sambutan Hari Landskap Negara pada tahun ini adalah 'Malaysia Negara Taman Terindah'. Tema ini dipilih sangat bertepatan dengan keadaan masa kini, dan juga sebagai manifestasi kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan

program, projek, aktiviti dan pengurusan landskap secara komprehensif. Negara Taman Terindah secara amnya adalah merupakan keadaan sebuah negara di mana pembangunan fizikalnya diimbangi dengan pembangunan persekitaran yang hijau, terurus, bersih dan indah, serta ruang fizikal luarannya yang unik, berkualiti dan beridentiti.

8. Tema sambutan pada tahun ini, selari dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang memberi fokus kepada bandaraya bersih, melestarikan persekitaran hijau, melaksanakan pembangunan komuniti yang inklusif, berdaya saing, meningkatkan tahap keselamatan awam, meningkatkan tahap kecekapan atau *efficiency* sistem pengangkutan awam, serta menyasarkan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan.

#### TANGGUNGJAWAB JABATAN LANDSKAP NEGARA

9. Sejak ditubuhkan pada tahun 1996, Jabatan Landskap Negara (JLN) telah memainkan peranan besar dengan melaksanakan program-program pembangunan landskap sejajar dengan hasrat dan aspirasi kerajaan. Tidak hanya dengan merancang, menyelia dan menguruskan program-program bagi tujuan menghijaukan seluruh negara (*greening the nation*), JLN juga giat membangunkan taman-taman awam (*public parks*) sebagai kemudahan rekreasi awam kepada rakyat. Tugas dan tanggungjawab JLN tidak terbatas kepada pelaksanaan program-program berbentuk pembangunan landskap fizikal semata-mata, malah turut berperanan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan landskap seperti program '*community gardening*' dan Rakan Taman. Dengan cara ini akan dapat mendidik masyarakat untuk mempunyai jiwa bagi memperindahkan negara ini dengan kehijauan semulajadi yang bersih.

#### INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Bagi mencapai status Negara Taman Terindah, banyak usaha dan program telah dilakukan oleh kerajaan melalui JLN. Jumlah kawasan hijau dan taman-taman

ditingkatkan melalui pembangunan kawasan landskap dan taman-taman awam. Dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penanaman pokok-pokok teduhan dan hiasan dapat dirancang, ditanam dan disenggara dengan baik, sama ada di tepi jalan utama, kawasan kejiranan dan di bandar-bandar atau wilayah.

11. Pada masa yang sama, usaha dan komitmen Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan dasar, peraturan, program dan projek landskap adalah juga merupakan teras kepada kejayaan pencapaian Negara Taman Terindah dan kerjasama sebegini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

12. Bagi menghargai penglibatan dan komitmen dari semua pihak, pada hari ini pihak penganjur menyediakan pengiktirafan kepada inisiatif Negara Taman yang melibatkan enam (6) kategori anugerah. Antara anugerah yang diperkenalkan adalah Inisiatif Negara Taman Terindah yang diberikan khusus kepada PBT yang melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif, berinovasi dan sistematik dalam menuju kearah Negara Taman Terindah. Bagi mengiktiraf komuniti setempat yang sentiasa proaktif dalam kerja-kerja perlandskap, keindahan dan penghijauan kawasan kejiranan pula, anugerah Landskap Komuniti Negara Taman turut disediakan. Anugerah seterusnya adalah Inisiatif Sukarelawan Negara Taman yang menghargai para sukarelawan yang telah menggerakkan usaha-usaha kesedaran, pendidikan, pengembangan dan promosi landskap kepada masyarakat. Pengiktirafan turut diberikan kepada pemaju-pemaju hartanah yang mengekalkan kawasan hijau, membangun dan menguruskan kawasan hijau secara lestari dan cemerlang melalui anugerah Inisiatif Negara Taman.

## PENUTUP

YAB Tun/ Yang Berhormat/ Tan Sri /Puan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

13. Usaha ke arah menjadi Negara Taman Terindah tidak hanya terbatas kepada pihak kerajaan semata-mata. Pihak swasta, komuniti dan individu turut diminta memainkan peranan masing-masing. Oleh itu, saya ingin mengajak semua pihak

untuk bersama-sama memastikan kehijauan, keindahan dan kemampunan landskap di persekitaran kita terus mekar dan segar.

14. Walaupun pelbagai cabaran dan halangan bakal dihadapi, namun dengan konsistensi dan istiqamah kita, pastinya membuahkan hasil yang kita inginkan. Saya percaya, landskap dan persekitaran yang bersih, indah dan selesa, mampu menyumbang kepada kesejahteraan penghuni di suatu kawasan atau wilayah di samping dapat merealisasikan 'Malaysia Negara Taman Terindah'.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada penganjur yang menjayakan Majlis Sambutan Hari Landskap Negara 2019 pada hari ini. Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi-Wabarakatuh. Terima Kasih.